



SINGAPORE – CAMBRIDGE  
General Certificate of Education Advanced  
Level  
Higher 2

---

**BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU**  
Kertas 2

**9576/2**

**MALAY LANGUAGE AND LITERATURE**  
Paper 2

**SPECIMEN PAPER**  
*With effect from 2022 examination*

**1 hour 45 minutes**

---

**ARAHAN UNTUK CALON**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian.
2. Bahagian A mengandungi satu petikan dan lima soalan. Bahagian B mengandungi dua sumber dan empat soalan. Jawab soalan-soalan yang diberikan.
3. Apabila pengawas peperiksaan memberikan isyarat, klik 'START'.

**Note:**

This paper is conducted in e-examination format. Please access the SEAB website ([seab.gov.sg/home/examinations/examinations/e-exam-resources](http://seab.gov.sg/home/examinations/examinations/e-exam-resources)) online tutorial for more information.



Singapore Examinations and Assessment Board

**BAHAGIAN A: KEFAHAMAN 1**  
**(32 markah)**

## **Sajak Masih Relevan?**

Oktober 2022

Dalam kesusasteraan, terdapat hasil karya yang dicipta dalam bentuk prosa dan puisi. Puisi merupakan karangan berangkap yang berirama dengan pemilihan kata yang padan dan bernas. Keindahan olahan bahasa ini dapat kita hayati bukan sahaja dalam puisi tradisional seperti pantun dan syair, malah dalam puisi moden, iaitu sajak. Sebagai puisi moden, sajak telah mendapat tempat dalam masyarakat terutama dalam kalangan penulis muda. Kita sering terbaca kuntum-kuntum sajak di akhbar dan majalah. Hal ini berlaku mungkin kerana sajak lebih berbentuk bebas. Tidak seperti pantun dan syair, sajak tidak terikat pada bentuk, baris, rima, bunyi dan irama yang tertentu.

Walaupun bentuknya bebas dan tidak menyekat gaya penulis meluahkan perasaan dan pandangan, masih terdapat sebilangan anggota masyarakat yang masih keberatan apabila **disogokkan** dengan bahan-bahan sastera, lebih-lebih lagi sajak. Bagi mereka, sajak sukar difahami. Sebenarnya, hal ini berlaku disebabkan oleh masalah penguasaan bahasa. Seperti yang kita maklum, bahasa dan sastera mempunyai hubungan yang sangat rapat. Justeru, untuk membolehkan kita memahami dan menghayati nilai sastera, khususnya sajak, kita perlu menguasai bahasa. Seperkara lagi yang perlu diberikan perhatian ialah anggapan sesetengah orang bahawa sastera, khususnya sajak, tidak begitu relevan dalam kehidupan yang serba maju dan berteknologi tinggi. Hasil seni ini dianggap sebagai khayalan penulis semata-mata dan tidak bermakna bagi pembaca dan sukar dikaitkan dengan diri pembaca.

Apabila kita mengkaji sejarah perkembangan sajak, kita akan mendapati bahawa sajak, seperti juga puisi-puisi lainnya, lahir daripada **pengamatan** dan kepekaan penyajak terhadap alam dan kehidupan. Sajak bukanlah sekadar luahan perasaan penyajak. Sajak berfungsi dan amat berkait rapat dengan kehidupan manusia. Lazimnya, isi dan perutusan yang ingin disampaikan oleh seseorang penyajak dipengaruhi oleh keadaan hidup yang dilaluinya. Hal ini dapat kita lihat dalam sajak-sajak yang dihasilkan dari satu zaman ke satu zaman yang lain. Sebagai contoh, sajak yang ditulis dalam zaman penjajahan menggambarkan keadaan hidup dan penderitaan yang dilalui pada masa itu. Misalnya, sajak *Rayuan Kelana* karya Masuri S N pada tahun 1945 dicipta hasil daripadanya pemerhatiannya terhadap kehidupan masyarakat yang **bobrok**. Beliau amat tersentuh dengan situasi selepas perang apabila melihat ratusan pengemis yang bergelandangan sambil menadah tangan meminta belas ihsan orang lain. Sajak ini menunjukkan pengamatan penyair yang begitu peka terhadap jiwa manusia yang sentiasa **bergejolak**. Oleh sebab sajak mencerminkan kehidupan manusia, sajak akan terus bertahan dan merentas zaman.

Kita tidak dapat menafikan bahawa sebagai hasil sastera, sajak mempunyai nilai estetika yang dapat menyentuh jiwa manusia. Justeru, dalam mengharungi era teknologi canggih dan kepesatan hidup masa kini, nilai budi dan kemanusiaan boleh dipupuk melalui puisi yang pendek, padat dan ringkas berbanding prosa. Melalui sajak, soal-soal kerohanian, kehalusan rasa, keindahan dan kebenaran juga dapat ditekankan. Jika tidak, manusia yang terlalu sibuk mengejar kebendaan dan menjalani kehidupan yang rutin akan mempunyai jiwa yang kaku dan tidak peka terhadap perasaan dan jiwa manusia di sekitarnya. Kesimpulannya, selagi manusia ada di jagatraya ini, sajak akan terus wujud bergandingan dengan hasil sastera yang lain seperti cerpen, novel dan drama.

- 1 Puisi moden telah mendapat tempat dalam masyarakat. Huraikan. (6 markah)
  
- 2 Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan kurangnya apresiasi terhadap sajak. (6 markah)
  
- 3 Kerelevanan sajak dengan kehidupan generasi masa kini tidak dapat dipertikaikan. Buktikan. (6 markah)
  
- 4 Perutusan yang ingin diketengahkan lebih berkesan jika disampaikan dalam bentuk puisi berbanding dengan bentuk prosa. Terangkan. (6 markah)
  
- 5 Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut mengikut konteks penggunaannya dalam teks yang diberikan. (8 markah)
  - (a) disogokkan
  - (b) pengamatan
  - (c) bobrok
  - (d) bergejolak

(lihat halaman sebelah)

**BAHAGIAN B: KEFAHAMAN 2**  
(33 markah)

**SUMBER A**

## **Sengsara Alam Sekitar Angkara Manusia**

Oleh Haris Anuar

Alam sekitar secara idealnya dipenuhi dengan pemandangan yang indah dan bunga-bunga serta pohon-pohon yang subur menghijau yang dapat menyegarkan fikiran. Kicauan unggas rimba yang memeriahkan suasana, air terjun, tasik dan lautan yang luas terbentang dapat memberikan kebahagiaan kepada kita. Kebergantungan manusia pada alam sekitar menunjukkan bahawa alam sekitar penting dalam kehidupan manusia.

Malangnya, amalan dan sikap manusia yang kurang peka dan prihatin telah mengancam kesejahteraan alam sekitar. Pertambahan jumlah penduduk di dunia mengakibatkan aktiviti pembangunan juga bertambah. Hal ini memburukkan pencemaran yang berlaku terhadap sumber air, laut, udara dan tanah. Demi pembangunan negara yang pesat, ada beberapa pihak pemaju yang hanya mahu mengaup keuntungan. Mereka tidak mengambil langkah berjaga-jaga atau yang lebih mesra alam. Aktiviti pembalakan yang dilakukan secara berleluasa di kawasan pinggir bandar dan lereng bukit telah meningkatkan kejadian hakisan tanah di beberapa buah negara. Masalah ini amat genting di sesetengah negara kerana kos pemuliharaan persekitaran semakin meningkat.

Tindakan manusia sememangnya mendatangkan kesan terhadap alam sekitar. Kini, kita sedang berhadapan dengan pencemaran serius secara global seperti kesan rumah hijau dan penipisan lapisan ozon dan hujan asid. Oleh sebab itu, masyarakat dunia mestilah menggembleng tenaga untuk melakukan sesuatu. Walaupun kita tidak mungkin berupaya menyelesaikan semua masalah pencemaran, masih belum terlambat untuk kita sama-sama membantu untuk memelihara alam sekitar dan mengurangkan pencemaran.

**SUMBER B****UBAH SIKAP DAN CARA HIDUP KITA**

Ceria + Berilmu

**MASYARAKAT****SANTAI****SAJIAN****KESIHATAN**

Sebagai pengguna, kita boleh mengubah sikap dan cara hidup kita. Kita harus memupuk sikap kesederhanaan dan bijak membezakan antara kehendak dengan keperluan kita. Setiap lapisan masyarakat perlu belajar tentang alam hijau dan berusaha untuk memupuk perasaan cinta akan alam. Sikap prihatin dan tanggungjawab terhadap hidupan lain dapat mendorong kita menjaga kesejahteraan alam sekitar supaya tidak tercemar.

Untuk mengelakkan pencemaran dan pembaziran, kita hendaklah mempraktikkan proses kitar semula barang-barang seperti kertas, botol dan tin. Cara ini bukan sahaja dapat menghasilkan barang-barang yang lebih murah, produktif dan baik, malah memelihara kesejahteraan alam sekitar. Penggunaan semula juga dapat menjimatkan bahan mentah dan tenaga elektrik.

Di Singapura, usaha untuk mengurangkan penggunaan barang-barang yang diperbuat daripada plastik seperti alat pembungkus, cawan dan pinggan sudah dijalankan. Barang-barang yang dibuat dengan tujuan untuk memudahkan kehidupan kita ini sebaliknya telah mempercepat proses pencemaran. Hal ini kerana kebanyakan daripada kita lebih suka membuang barang-barang terpakai daripada menggunakannya semula. Maka, terhasillah sampah yang banyak. Akibatnya, masyarakat terpaksa menanggung beban pelupusan sampah dan penggunaan tanah untuk membuang sampah.

Tindakan mengutamakan langkah pemuliharaan alam dan penyelenggaraan lebih sistematik di bawah pengawasan pihak yang berkuasa amat penting. Untuk membuahkan hasil yang lebih baik, kerjasama antara pelbagai pihak perlu dipertingkatkan. Perundangan dan peraturan yang lebih ketat serta garis panduan perlu dipatuhi oleh para pengguna. Oleh itu, masyarakat pada hari ini perlulah dididik sejak dari bangku sekolah untuk menjadi masyarakat yang lebih peka dan bertanggungjawab dalam usaha untuk memelihara dan menyelamatkan bumi yang tercinta.

(lihat halaman sebelah)

- 6 Berdasarkan Sumber A, bagaimanakah amalan dan sikap manusia telah menimbulkan masalah persekitaran yang serius secara global? (5 markah)
- 7 Berdasarkan Sumber B, huraikan maksud ayat 'Kita harus memupuk sikap kesederhanaan dan bijak membezakan antara kehendak dengan keperluan diri kita.' (5 markah)
- 8 Dengan menggunakan Sumber A dan Sumber B, huraikan pentingnya manusia cinta akan alam sekitar untuk menjamin kesejahteraan alam sekitar dan kebahagiaan manusia. (8 markah)
- 9 Dalam krisis persekitaran, langkah-langkah yang lebih tegas perlu diambil oleh semua pihak untuk mengatasinya dengan berkesan. Berikan komen kamu tentang hal ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

Selesai

---

*Copyright Acknowledgements:*

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.